

**Tujuh Bahagian Umno Di Pahang Sokong Shahrizat Sebagai Ketua Wanita Bernama**  
**13 Oct, 2013**

KUANTAN, 13 Okt (Bernama) -- Sebanyak tujuh bahagian di Pahang menyokong penyandang Ketua Wanita Umno pusat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil manakala pencabarnya, Datuk Maznah Mazlan mendapat tiga sokongan daripada bahagian Umno di Pahang.

Sehingga 12 tengah malam, keputusan daripada empat lagi bahagian pergerakan itu di Pahang masih belum diperolehi.

Tujuh bahagian yang menyokong Shahrizat ialah bahagian Raub, Pekan, Bentong, Cameron Highlands, Paya Besar, Lipis dan Bera manakala tiga bahagian yang menyokong Maznah ialah Jerantut, Kuantan dan Rompin.

Empat bahagian yang belum memilih calon Ketua Wanita pusat ialah Maran, Indera Mahkota, Kuala Krau dan Temerloh.

Bahagian Pekan, Bentong, Cameron Highlands, Paya Besar, Kuantan dan Lipis pula menyokong Datuk Azizah Mohd Dun sebagai Naib Ketua Wanita pusat.

Pesaing beliau, Datuk Suraya Yaacob pula hanya menerima tiga undi daripada bahagian Raub, Jerantut dan Rompin.

Bagi jawatan Ketua Pemuda Umno pusat, sebanyak 10 bahagian menyokong penyandang, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, manakala keputusan daripada empat bahagian belum diperolehi setakat 12 tengah malam.

Bahagian yang menyokong Khairy ialah Bera, Raub, Lipis, Bentong, Indera Mahkota, Paya Besar, Pekan, Kuantan, Cameron Highlands dan Rompin manakala bahagian yang belum memberikan keputusan ialah Kuala Krau, Jerantut, Temerloh dan Maran.

Bagi jawatan Naib Ketua Pemuda pusat, lima bahagian menyatakan sokongan terhadap calon Jamawi Jaafar iaitu Lipis, Pekan, Paya Besar, Kuantan dan Rompin. Empat bahagian menyokong calon Khairul Azwan Harun, iaitu Bera, Raub, Bentong dan Cameron Highlands.

Bagaimanapun, calon ketiga bagi jawatan Naib Ketua Pemuda Umno pusat, iaitu Lokman Nor Adam hanya mendapat satu undi iaitu dari bahagian Indera Mahkota, manakala empat bahagian lagi, iaitu Jerantut, Maran, Temerloh dan Kuala Krau belum memberi keputusan.

Sementara itu calon Ketua Puteri pusat, Mas Ernieyati Samsudin memperoleh 12 undi daripada 14 bahagian Umno negeri ini, berbanding calon Jamilah Hanim Othman yang hanya memperoleh dua undi.

Bahagian yang menyokong Mas Ernieyati ialah Temerloh, Cameron Highlands, Indera Mahkota, Raub, Maran, Bentong, Kuala Krau, Paya Besar, Kuantan dan Bera.

Dua bahagian yang menyokong Jamilah Hanim ialah Jerantut dan Pekan.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Zahida Zarik Khan mendapat 10 undi, berbanding

Norsabrina Mohd Nor yang memperoleh empat undi.

Sepuluh bahagian yang menyokong Zahida ialah Temerloh, Cameron Highlands, Indera Mahkota, Raub, Maran, Jerantut, Bentong, Paya Besar, Bera dan Lipis.

Empat bahagian yang menyokong Norsabrina ialah Pekan, Kuala Krau, Kuantan dan Rompin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985312>